

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 22 / 12 / 2007

ECER dilaksanakan secepat mungkin – PM

Oleh AZRAN FITRI RAHIM

PASIR MAS 21 Dis. – Perancangan pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) akan dilaksanakan secepat mungkin bagi memastikan hasilnya segera dikecapi terutama dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat negeri ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin kepesatan pembangunan wilayah itu sekali gus dapat menghapuskan kemiskinan tegar.

Menurut beliau, perancangan pembangunan di Kelantan, Terengganu, Pahang dan utara Johor itu diharapkan dapat membawa pembangunan pesat di wilayah berkenaan, tidak ketinggalan berbanding negeri-negeri di pantai barat.

“Negeri-negeri di Pantai Timur perlu pembangunan yang lebih hebat lagi kerana ramai yang memerlukan peluang pekerjaan bagi merubah kehidupan dan ini dapat

dilakukan dengan penguasaan pelbagai bidang kemahiran secara meluas,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis menyampaikan sumbangan bantuan banjir di Sekolah Kebangsaan Gelang Mas di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan Datuk Seri Annuar Musa.

Justeru, Perdana Menteri menekankan terhadap aspek latihan kemahiran dengan kewujudan lebih banyak institusi berkaitan untuk menampung keperluan itu.

“Apa yang penting kita nak hapuskan kemiskinan. Ia perlu dihapuskan, kalau cakup dari segi Islam kemiskinan tidak disukai kerana ia boleh membawa kekufuran.

“Maka satu perkara yang wajib bagi kita dan juga kerajaan adalah berusaha hapuskan kemiskinan,” jelas beliau.

Pada majlis itu, beliau menyampaikan bantuan makanan kepada 109 mangsa banjir yang masih ditempatkan di pusat pemindahan tersebut.

Beliau turut menyampaikan sumbangan kepada keluarga Zulkairi Yusof, 28, yang meninggal dunia akibat digilis traktor ketika membantu mangsa banjir berpindah di kawasan Gelang Mas, Rabu lalu.

Sementara itu, pada sidang akhbar selepas majlis tersebut, Abdullah memberitahu, Malaysia dan Thailand sedang merangka rancangan pembangunan di sempadan bersama dalam usaha meningkatkan taraf hidup rakyat kedua-dua negara.

“Kerajaan sedang memperincikan program pembangunan yang boleh dilaksanakan di utara Kelantan khususnya jajahan Jeli dan selatan Thailand, khususnya wilayah Narathiwat,” jelas beliau.

Menurut Perdana Menteri, jambatan Bukit Bunga-Buketa yang dirasmikan bersama dengan rakan sejawatannya dari

Thailand, Jeneral Surayud Chulanont hari ini boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan yang lebih pesat di kawasan berkenaan.

“Ia merupakan hasrat kerajaan Thailand yang mahu lihat adanya pembangunan di selatan Thailand terutama yang ada hubungan kait dengan pembangunan modal insan dan kemahiran.

“Kita telah merancang beberapa program berkaitan dengan ekonomi dan pembangunan sosial, bila siap nanti kita akan bincang semula dengan kerajaan Thailand, yang mana boleh memanfaatkan kedua-dua negara,” katanya.

Sementara itu, dalam satu majlis berasingan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di sini sebelum berlepas pulang, beliau menyerahkan 2,000 kampil beras sumbangan Syarikat T.S.R Capitol Berhad kepada Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Shukry Salleh.

Sumbangan itu akan diagih-agihkan kepada mangsa-mangsa banjir di negeri ini.

UM - 22 / 12 / 2007